

Nama:

Kelas:

SULIT
1249/2
Sejarah
Kertas 2
September
2005

1249/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2005**

SEJARAH

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan tiga soalan dalam Bahagian B.*
3. *Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
4. *Jawapan Bahagian B hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.*
5. *Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama dengan kertas jawapan Bahagian B.*

| Bahagian | Soalan | Markah |
|---------------|--------|--------|
| A | 1 | |
| | 2 | |
| | 3 | |
| | 4 | |
| B | 5 | |
| | 6 | |
| | 7 | |
| | 8 | |
| | 9 | |
| Jumlah | | |

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A

(40 markah)

Jawab semua soalan.

| <i>Tarikh</i> | Tahun 300 M. | Tahun 610 M. |
|------------------|--------------------------------|--|
| <i>Peristiwa</i> | Pecahnya Empangan Maarib | Turun wahyu kepada Nabi Muhammad s.a.w dan bermula zaman Islam |

- 1 (a) Berikan ciri masyarakat Arab Jahiliah dalam aspek ekonomi.
- (i)
- (ii)
- (iii)
(3 markah)
- (b) Terangkan kedudukan wanita dalam masyarakat Arab Jahiliah?
- (i)
- (ii)
- (iii)
(3 markah)
- (c) Nyatakan bentuk kepercayaan agama dalam masyarakat Arab Jahiliah?
- (i)
- (ii)
(2 markah)
- (d) Terangkan kesan sistem kabilah di kalangan masyarakat Arab Jahiliah.
- (i)
- (ii)
(2 markah)

- 2 (a) Nyatakan ciri ekonomi dagangan di Tanah Melayu pada abad ke 19.
- (i)
 - (ii)
 - (iii)
(3 markah)
- (b) Mengapakah imigran Cina dan India datang secara besar-besaran ke Tanah Melayu pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20?
- (i)
 - (ii)
 - (iii)
(3 markah)
- (c) Apakah peranan institusi kewangan dalam sistem ekonomi British di Tanah Melayu?
- (i)
 - (ii)
(2markah)
- (d) Nyatakan jenis insurans yang terdapat di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.
- (i)
 - (ii)
(2 markah)

3 (a) Apakah yang anda faham tentang nasionalisme?

.....
.....

(2 markah)

(b) Apakah sebab pemimpin tempatan menentang British di Tanah Melayu pada abad ke-19?

(i)

(ii)

(iii)

(iv)

(4 markah)

(c) Mengapakah masyarakat setempat menentang sistem residen di Perak?

(i)

(ii)

(2 markah)

(d) Namakan antara dua orang tokoh tempatan yang menentang pentadbiran James Brooke pada abad ke 19 di Sarawak.

(i)

(ii)

(2 markah)

Malayan Union telah ditubuhkan di Tanah Melayu pada tahun 1946.

- 4 (a) Apakah tujuan British memperkenalkan Malayan Union?
.....
.....
(3 markah)
- (b) Nyatakan golongan yang menyokong Malayan Union.

(i)
(ii)
(2 markah)
- (c) Mengapakah golongan di atas menyokong pembentukan Malayan Union?

(i)
(ii)
(iii)
(3 markah)
- (d) Nyatakan kesan-kesan penubuhan Malayan Union kepada Tanah Melayu.

(i)
(ii)
(2 markah)

Bahagian B*(60 markah)**Jawab tiga soalan sahaja*

Pengaruh agama Hindu dan Buddha memainkan peranan penting dalam perkembangan kerajaan awal di Asia Tenggara.

- 5 (a) Berdasarkan pernyataan di atas, terangkan cara kedatangan pengaruh Hindu dan Buddha ke Asia Tenggara. *(6 markah)*
- (b) Jelaskan pengaruh agama Hindu dan Buddha dalam sistem pemerintahan kerajaan awal Asia Tenggara. *(14 markah)*
- 6 (a) Apakah sumbangan tamadun Islam dalam bidang keilmuan pada zaman Kerajaan Bani Umayyah? *(10 markah)*
- (b) Jelaskan cara pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain di dunia. *(10 markah)*
- 7 (a) Dengan memberi contoh yang sesuai terangkan faktor kebangkitan nasionalisme di Asia Tenggara pada akhir abad ke19 dan awal abad ke 20. *(10 markah)*
- (b) Huraikan gerakan nasionalisme tahap kedua di Thailand. *(10 markah)*

Tunku Abd. Rahman telah mencadangkan gagasan pembentukan Malaysia pada 27 Mei 1961 di Hotel Adelphi Singapura.

- 8 (a) Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah gagasan tersebut dicadangkan? (10 *markah*)
- (b) Huraikan reaksi Indonesia terhadap gagasan tersebut. (10 *markah*)
- 9 (a) Terangkan isu-isu yang diperjuangkan oleh Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa. (10 *markah*)
- (b) Jelaskan langkah yang diambil oleh Malaysia dalam menghadapi cabaran globalisasi. (10 *markah*)

KERTAS SOALAN TAMAT